

PERUTUSAN HARI RAYA DEKAN FPTV

2017 (1438H)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Allah Maha Besar! Allah Maha Besar! Allah Maha Besar! Marilah kita bersyukur kepada Allah SWT kerana memberi kesempatan untuk kita telah sempurna berpuasa sepanjang Ramadan dan meraikan Aidil Fitri 2017M (1438H).

Marilah kita saling bermaafan. Semoga dengan permohonan dan pemberian maaf menjadikan kita insan yang lebih bertakwa. Mengukuhkan hubungan silaturrahim sama ada menerusi kunjungan mahupun menghadiri rumah terbuka/majlis raya merupakan penyempurnaan hak sesama insan. Di samping kita bergembira, usah dilupa kepada mereka yang serba tiada. Hurlurkan lah bantuan kepada mereka mengikut kemampuan dan keikhlasan kita.

Berbelanjalah dengan berhemah. Utamakan barang/perkhidmatan yang diperlukan bukannya yang dikehendaki. Sepanjang Ramadan kita dilatih untuk bersederhana. Justeru teruskanlah sepanjang Syawal dan bulan-bulan mendatang, Sesungguhnya puasa yang diwajibkan Allah ke atas hamba-Nya adalah guru terhebat kepada kita umat manusia.

Kepada para pelajar yang dikasihi

Ambillah kesempatan untuk memohon kemaafan dan restu daripada ayah dan bonda. Lafazkan ikrar untuk memperoleh cemerlang ilmu duniawi dan akhirat (menjadi pelajar holistik, berciri keusahawanan dan seimbang) kepada ahli keluarga. Lafazkan setulus hati, bicara puitis. 'Terima kasih, Sekalung Budi!' atas pengorbanan ibu bapa dan saudara mara dalam mendewasakan dan memimpin mahasiswa menjadi insan berguna.

Warga FPTV yang disanjung tinggi

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan sahabat semua. Sepanjang menyambut kemeriahan hari raya usahlah dipandang ringan aspek keselamatan. Sebelum pulang bercuti, tutuplah semua suis di bilik masing-masing. Periksalah kenderaan, pastikan kenderaan masing-masing berada dalam keadaan terbaik untuk pemanduan pulang ke kampung halaman.

Elakkan anak-anak bermain mercun dan pastikanlah tong gas di rumah telah ditutup dan semua pintu dan tingkat telah dikunci rapat. Maklum kepada jiran tetangga tempoh kita meninggalkan rumah dan isilah borang pemakluman meninggalkan rumah masing-masih di balai polis berdekatan.

Simpul bicara, saya mendoakan kita semua berada dalam keadaan selamat sentiasa, memperoleh ganjaran pahala berlipat ganda daripada amalan sepanjang Ramadan dan Syawal yang mulia serta terjalinnya ikatan silaturrahim sesama keluarga, rakan sejawat, sahabat andai dan sesama kita.

Selamat Hari Raya. Maaf Zahir Batin